

07 DEC 1998

KAWALAN-WAJAR

LEBIH SOKONGAN BAGI KAWALAN TUKARAN MATAWANG

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Penguatkuasaan kawalan modal tidak semua buruk dan kawalan tukaran matawang seperti yang dilaksanakan oleh Malaysia adalah wajar kerana ia bertujuan mengatasi kesan tidak stabil aliran modal tanpa menjejaskan perdagangan, kata seorang pakar.

Ashok K Nath, pengerusi Options Information Company (OIC) dalam artikel yang disiarkan majalah "Asia 21" terbitan Disember 1998, berkata kestabilan dalam kadar tukaran matawang dan pasaran saham adalah matlamat yang diharapkan.

Langkah kawalan tukaran matawang terpilih-pilih yang dilaksanakan oleh Malaysia adalah bertujuan untuk menyekat bekalan ringgit kepada spekulator yang menurunkan nilai ringgit dan pasaran saham. Kawalan-kawalan itu telah menstabilkan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Sambil menegaskan bahawa keputusan untuk melabur di dalam sesebuah negara tidak harus terhalang apabila sesuatu kawalan dilaksanakan, Ashok berkata: "Selagi perniagaan nampak peluang untuk membawa keluar keuntungan, perniagaan sepatutnya menerima langkah kawalan."

Dengan meramalkan bahawa negara-negara lain, termasuk yang maju akan memperkenalkan beberapa bentuk kawalan modal, beliau berkata selepas China, India dan baru-baru ini Hong Kong dan Malaysia, maka Filipina, Thailand, Taiwan dan Indonesia mungkin mengambil langkah yang serupa walaupun masing-masing dengan cara tersendiri.

Mengenai aliran keluar modal jangka singkat secara mendadak yang mengakibatkan kadar faedah meningkat, menjatuhkan nilai tukaran matawang dan kesudahannya, mencetuskan krisis kewangan, beliau berkata ini membelenggu kerajaan untuk menurunkan kadar faedah kerana khuatir kadar tukaran matawang akan susut lebih rendah.

"Bagaimanapun, sekiranya ada kawalan modal, sesebuah negara itu dapat mengurangkan kadar faedah tanpa perlu bimbang kadar tukaran matawang akan jatuh mendadak," katanya.

Ashok, yang memetik sokongan beberapa ahli ekonomi ternama dunia dalam artikelnya itu, berkata bahawa kawalan modal dan matawang bukannya tidak baik untuk perniagaan.

Bagi perniagaan di Asia, beliau berkata bahawa penyelesaian bagi kesan tidak stabil aliran modal adalah untuk mendesak kerajaannya memperkenalkan sebarang bentuk kawalan modal dan tidak akur dengan kehendak Amerika Syarikat untuk mewujudkan pasaran modal yang lebih bebas.

Malahan, syarikat-syarikat Amerika perlu mendesak Washington agar usaha negara itu untuk melihat pasaran modal lebih bebas tidak menjejaskan dagangan yang lebih bebas.

Ashok berkata bahawa dagangan yang lebih bebas adalah penting bagi perniagaan tetapi aliran modal yang lebih bebas boleh ditangguh dahulu, terutamanya apabila menunggu bererti menstabilkan ekonomi, yang tentunya mendatangkan kebaikan kepada perniagaan.

Beliau mengesyorkan supaya penggubal dasar di Asia agar melupakan soal bantuan (asing), sambil menambah kata bahawa urusan dengan Jepun dan Amerika Syarikat patut dihadkan kepada perniagaan semata-mata.

"Hidupan semula Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dilihatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dapat memenuhi keperluan Asia," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan-kerajaan Asia tidak mempunyai pilihan melainkan berurusan dengan IMF dan Bank Dunia, "tetapi yakinlah dengan

pendapat sendiri, bukannya pendapat mereka, dalam perkara berkaitan ekonomi." -- BERNAMA

AD MFJ